

Sekapur Sirih



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Debat Diraja antara IPT 2023 edisi ke-24 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pertandingan Debat Diraja yang amat berprestij ini telah dilaksanakan lebih daripada dua dekad, yang mana pernah diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2008, dan itu merupakan kali terakhir kategori Bahasa Arab dipertandingkan. Justeru, saya ingin menzahirkan rasa gembira kerana pada tahun ini, kategori Bahasa Arab dipertandingkan sekali lagi. Saya difahamkan sebanyak 25 buah institut pengajian tinggi dari seluruh negara turut menyertai Pertandingan Debat Diraja antara IPT 2023. Saya begitu bangga dan kagum terhadap usaha yang telah diberikan oleh universiti-universiti untuk mempergiatkan perkembangan bakat dalam kalangan mahasiswa. Saya berharap, usaha ini dapat menjadi sumber inspirasi seterusnya menggalakkan penyertaan daripada pelbagai pihak.

Melalui Debat Diraja yang dianjurkan ini, sematkanlah dalam fikiran kalian, bahawa kejayaan datang bergolek, namun perlu diiringi dengan usaha dan komitmen yang teguh. Kepada mereka yang tidak berjaya, janganlah berputus asa, sebaliknya teruskan berusaha untuk tingkatkan lagi prestasi diri. Yakinlah, dengan usaha yang dicurahkan selama ini, berbekalkan latihan yang lebih gigih, insya-Allah kejayaan akan menjadi milik kalian.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya Universiti Teknologi MARA yang telah melaksanakan dan memastikan Pertandingan Debat Diraja antara IPT 2023 seterusnya majlis pada hari ini berjalan dengan lancar. Semoga program sebegini, akan dapat menyemarakkan lagi semangat generasi muda khususnya, untuk melibatkan diri dalam arena perdebatan.

Sekian.

DULI YANG MAHA MULIA TENGGU PERMAISURI HAJAH NORASHIKIN

D.K., S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.K.

TENGGU PERMAISURI SELANGOR